



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN MOHD ASWAWI BIN ISA
PENGGIAT SENI MUZIK TRADISIONAL**

OLEH:

NUR SHAZLEEN IZZATI BINTI MOHD SANUSI	2021822564
SITI NURHAZARINA BINTI ALIAS	2021858898

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (0CT 2023 – MAC 2024)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

TUAN MOHD ASWAWI BIN ISA
PENGGIAT SENI MUZIK TRADISIONAL

OLEH:

NUR SHAZLEEN IZZATI BINTI MOHD SANUSI	2021822564
SITI NURHAZARINA BINTI ALIAS	2021858898

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCT 2023 – MAC 2024)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Segala puji syukur dan rasa syukur yang tinggi diucapkan kepada Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan izin-NYA, kami berhasil menyelesaikan tugas untuk kod IMR604 - ORAL DOCUMENTATION ini dengan jayanya. Dalam kesempatan ini, kami ingin menyampaikan penghargaan yang tulus kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, selaku pensyarah kami, yang telah memberikan kepercayaan penuh kepada kami untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Beliau tidak henti-hentinya memberikan bimbingan dan petunjuk kepada kami, yang sangat membantu dalam menyelesaikan tugas ini.

Di samping itu, kami ingin mengekspresikan penghargaan dan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada Tuan Mohd Aswawi Bin Isa. Keberhasilan kami dalam menyelesaikan temu bual ini tidak lepas dari kontribusi dan kerjasama luar biasa yang beliau berikan. Beliau tidak hanya meluangkan waktu yang berharga, melainkan juga memberikan wawasan dan pengalaman yang sangat berarti. Melalui kolaborasi yang produktif ini, kami dapat merasakan betapa beruntungnya kami memiliki seorang narasumber yang tidak hanya ahli dalam bidangnya, tetapi juga bersedia berbagi pengalaman dengan penuh antusiasme.

Ucapan terima kasih ini juga ingin kami sampaikan kepada semua pihak yang terlibat dalam kelancaran dan kesuksesan penyelesaian tugas ini, baik secara langsung maupun tidak langsung. Tidak lupa juga, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan sokongan dan pandangan sepanjang proses pembuatan transkrip ini mencapai penyelesaian. Mereka turut berperanan dalam kejayaan dan kualiti penyelesaian tugas ini. Dengan adanya sokongan tersebut, tugas ini dapat diimplementasikan dengan baik dan mencapai standard yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini dilakukan bersama penggiat seni muzik tradisional iaitu Tuan Mohd Aswawi Bin Isa untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai penggiat seni muzik tradisional. Temubual ini telah dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) cawangan Bachok. Tarikh temubual tersebut adalah pada 11 Disember 2023 bermula jam 11 pagi hingga 2.18 petang. Tuan Aswawi adalah seorang penggiat seni muzik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok. Tuan Aswawi mula bergiat sebagai penggiat seni muzik pada tahun 1993 sebagai seorang guru muzik di Sekolah Rendah Kebangsaan Taman Perling, Johor Bahru hingga menjadi seorang pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan pada bulan Mac 2015 dan beliau telah dinaikkan pangkat sebagai pensyarah kanan pada tahun 2023. Tugas beliau tidak hanya sebagai penggiat seni muzik tradisional tapi juga berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Universiti Malaysia Kelantan cawangan Bachok. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Tuan Aswawi Bin Isa di sepanjang berkhidmat sebagai penggiat seni muzik tradisional. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.

Kata kunci: Tuan Mohd Aswawi Bin Isa, penggiat seni muzik tradisional, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pensyarah kanan, guru muzik.

ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
BSK	Bakti Al-Sultan Kelantan
CLO	Course Learning Outcomes
ISME	International Society Music Education
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
KLCC	Kuala Lumpur Convention Centre
MOTAC	Ministry of Tourism Arts and Culture
MOU	Memorandum Of Understanding
NGO	Non-profit organization
PLO	Program Learning Outcomes
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
UITM	Universiti Teknologi MARA
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

RUJUKAN KATA

Bawak	Bawa
Buak	Buat
Dok	Bukan
Dio	Dia
Gak	Juga
Gini	Begini
Go mahal	Harga mahal
Jale	Jalan
Kito	Kita
Pakat	Sama-sama
Sediri	Sendiri
Takdi	Tadi
Takde	Tiada
Takleh	Tidak boleh

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iv
ISI KANDUNGAN	viii
BIODATA TOKOH	x
PENGENALAN	xiv
TRANSKRIP	1
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH	1
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN	6
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL	13
BAHAGIAN 4: BIDANG SENI MUZIK TRADISIONAL	18
BAHAGIAN 5: PENGGIAT SENI MUZIK TRADISIONAL	30
BAHAGIAN 6: PENSYARAH KANAN	41
BAHAGIAN 7: PENCAPAIAN	52
BAHAGIAN 8: SUMBANGAN	57
BAHAGIAN 9: HARAPAN	60
RUJUKAN	64
LAMPIRAN	66
LOG WAWANCARA	67
DIARI KAJIAN	74
SENARAI SOALAN	77
SURAT PERJANJIAN	94
GAMBAR	95
SIJIL PENGHARGAAN	97
INDEKS	99

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA	MOHD ASWAWI BIN ISA
NAMA SAMARAN	CIKGU AWIE
TARIKH LAHIR	
TEMPAT LAHIR	, Kelantan
ALAMAT	
NO. TELEFON	PENGGIAT MUZIK TRADISIONAL
EMAIL	MUZIK
PROFESION	
BIDANG	

BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA

	
NAMA	NUR SHAZLEEN IZZATI BINTI MOHD SANUSI
TARIKH LAHIR	
ALAMAT	
NO TELEFON	+ IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT KEPUJIAN PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT
FAKULTI	

BIODATA PENEMUBUAL KEDUA

	
NAMA	SITI NURHAZARINA BINTI ALIAS
TARIKH LAHIR	
ALAMAT	KELANTAN
NO TELEFON	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
FAKULTI	MAKLUMAT KEPUJIAN PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT

PENGENALAN

PENGENALAN

Penelitian serta kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengeksplorasi, memahami, dan menyelidiki figura tempatan yang berasal dari Pantai Timur, Malaysia. Sebuah sesi temubual langsung telah diadakan di Universiti Malaysia Kelantan pada tarikh 11 Desember 2023 untuk mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang tokoh. Fokus dari penelitian ini adalah untuk mengidentifikasi nilai-nilai kepemimpinan yang dimiliki oleh tokoh tersebut, sehingga dapat dijadikan sebagai model acuan untuk memahami sumbangannya atau peristiwa-peristiwa signifikan dalam sejarah kehidupannya.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni muzik tradisional. Bersama-sama kami adalah Tuan Mohd Aswawi bin Isa yang kini merupakan seorang penggiat seni muzik tradisional di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Disember 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 11 pagi bertempat di Universiti Malaysia Kelantan cawangan Bachok. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Nurhazarina Binti Alias dan Nur Shazleen Izzati Binti Mohd Sanusi. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

TMA: Tuan Mohd Aswawi
NSI: Nur Shazleen Izzati
SNH: Siti Nurhazarina

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

SNH : Baiklah tuan. Pertama sekali, saya ingin mengetahui serba sedikit tentang latar belakang tuan. Jadi, boleh saya tahu nama sebenar tuan?

TMA : Assalamualaikum dan salam sejahtera semua. Jadi, saya nak mengucapkan terima kasih kepada pihak daripada UiTM Machang - - Fakulti?

SNH : Fakulti Pengurusan Sains Maklumat.

TMA : Daripada Fakulti Pengurusan Maklumat kerana sudi datang ke Universiti Malaysia Kelantan ini untuk menyiapkan kerja kursus program. Jadi sekarang ini saya adalah Mohd Aswawi bin Isa. Saya tinggal di Kampung Tunjong, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan, dan kini bekerja di Universiti Malaysia Kelantan sebagai pensyarah muzik dan juga sebagai pensyarah kanan di bawah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan.

SNH : Baiklah tuan, untuk soalan seterusnya, boleh saya tahu tuan lebih dikenali dengan panggilan apa oleh kenalan rapat serta ahli keluarga tuan?

TMA : Sebelum ini saya seorang guru, guru muzik Sekolah Menengah Kebangsaan Sering, Kota Bharu dan saya masih lagi dipanggil sebagai Cikgu Awie. Kalau orang muda kata panggilan yang lebih orang kata dikenali ramai, Cikgu Awie. pada tahun 2015, saya berpindah tempat kerja sebagai pensyarah di sini.

SNH : Seterusnya, boleh saya tahu bilakah tuan dilahirkan dan pada tahun ini berapakah umur tuan?

TMA : Saya dilahirkan pada tahun 1972 [sembilan belas tujuh puluh dua] di Kampung Pulau Tebu di Tunjong juga dan umur saya lebih kurang 51 [lima puluh satu], dan saya mula bergiat dengan seni budaya ini pada tahun 1990 [sembilan belas sembilan puluh] lagi sebagai pemain muzik di kampung-kampung, menjelajah di seluruh Kelantan, mana masa tu *lah* [penyedap ayat] pengalaman saya ambil, pengalaman yang saya kutip daripada belakang rumah, tepi tangga, bawah rumah dan sebagainya di pinggir-pinggir tali air, *dak* [kan]? Saya menjelajah mencari ilmu secara percuma, dan secara jujurnya, secara ikhlas kerana untuk saya punya minat, kerana minat untuk menceburi bidang ni. Jadi, saya mencari supaya kemahiran bermain muzik ini lebih - - Orang kata lebih mahir, begitu.

SNH : Okay, seterusnya, boleh saya tahu apakah nama ibubapa tuan, dan berapakah umur mereka pada tahun ini?

TMA : Nama ayah saya, Isa bin Salleh dan sudah meninggal, lebih kurang 7 [tujuh] tahun dah. Umur beliau lebih kurang 70 [tujuh puluh] lebih, begitu juga dengan ibu saya itu, sudah meninggal, dia bekerja sebagai suri rumah, mak saya, dan ayah saya bekerja sebagai tukang rumah dan petani, orang kata bekerja sendiri.

SNH : Nama ibu tuan, nama apa ya?

TMA : Nama dia Meknga. Meknga binti Ishak. Nama ayah saya Isa bin Salleh.

SNH : Baiklah, boleh saya tahu tuan mempunyai berapa orang adik beradik, dan tuan merupakan anak yang keberapa?

TMA : Saya mempunyai 4 adik-beradik, dan saya merupakan anak yang terakhir dalam keluarga kami.

SNH : Selain itu, boleh saya tahu pada tahun bilakah tuan mendirikan rumah tangga?

TMA : Saya mendirikan rumah tangga dengan Rosdalila binti Abdul Ghani pada tahun 2000 [dua ribu] dan kini *dah* [sudah] mendapat 6 [enam] cahaya mata, makna 4 [empat] perempuan, 2 [dua] lelaki.

SNH : Isteri tuan merupakan orang mana, berasal dari mana?

TMA : Isteri saya berasal daripada Kelantan juga, ibunya daripada Johor, ayahnya daripada Kelantan dan dia juga bekerja sebagai *lecturer* [pensyarah] di sini.

SNH : di UMK?

TMA : Di Universiti Malaysia Kelantan, dalam Fakulti Bahasa.

SNH : Soalan akhir untuk latar belakang tokoh, boleh saya tahu apakah hobi tuan pada waktu lapang?

TMA : Saya sebenarnya mempunyai banyak hobi. Saya cuba reka cipta untuk mengisi masa lapang dengan hobi-hobi yang bermanfaat kepada saya sendiri. Yang pertama, masa-masa terluang, malam ke pagi ke, hari minggu ke, saya akan cuba buat alat muzik, buat inovasi, reka cipta, malam ke, kita buat apa yang patut. Selain daripada tu, saya juga minat ke *hiking* [mendaki], buat

camping[berkhemah] dengan *officemate* [rakan sepejabat], pergi main golf, menembak, memburu, memancing, kira banyak *lah* [penyedap ayat] saya punya hobi ni memang tidak menentu. Benda yang saya rasa ada manfaat, saya akan *follow* [ikut].

SNH : Maksudnya, tuan lebih kepada aktiviti lasak?

TMA : Oh ya, saya lebih suka kepada *outdoor activity* [aktiviti luar], dimana kenapa macam itu, sebab saya suka melihat benda luar dari aspek *nature* [alam semula jadi], dari aspek kemasyarakatan, dari segi perhubungan dengan masyarakat luar, kita boleh tengok macam mana ilmu-ilmu yang *tak* [tidak] ada di dalam bilik darjah, tak ada dalam buku, yang *tak* [tidak] ada dalam mana-mana dokumen-dokumen. Jadi, sebenarnya ilmu-ilmu di luar situ sebenarnya kita kutip daripada pengalaman orang, ilmu *nature* [alam semula jadi], kita kutip, kita bukukan, kita dokumentasikan benda itu, kita videokan, dan kita akan *transfer* [pindahkan] kepada orang yang yang berkehendak.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

SNH : Baiklah tuan, terima kasih untuk latar belakang tokoh. Saya rasa sedikit sebanyak saya sudah mengetahui tentang diri tuan. Jadi, beralih pula kepada latar belakang pendidikan. Kalau boleh saya tahu, pada tahun bilakah tuan mendapat pendidikan awal di peringkat sekolah rendah?

TMA : Tahun 1972 [sembilan belas tujuh puluh dua] saya sekolah rendah pada tahun 1979 [sembilan belas tujuh puluh sembilan], saya sudah darjah satu, di Sekolah Rendah Kebangsaan Mulong, Kota Bharu, Kelantan. Selepas itu, saya sekolah menengah pun di Sekolah Menengah Mulong dan saya sambung belajar tingkatan 6 [enam] di Sekolah Menengah Kota untuk *ambil* [ambil] STPM tapi terkandas tapi saya ulang balik, saya cuba baiki kesilapan-kesilapan yang ada. Kemudian pada tahun 1993 [sembilan belas sembilan puluh tiga], saya ditawarkan untuk menduduki Maktab Perguruan Kota Bharu (MPKB) dengan bidang muzik, pendidikan muzik dan pada tahun 1997 [sembilan belas sembilan puluh tujuh], saya *dipostingkan* [dipindahkan] di Sekolah Taman Perling, Johor Bahru dan pada tahun 2000 [dua ribu] saya melanjutkan lagi pelajaran, sambung belajar ke Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2000 [dua ribu] dan selepas itu, tahun 2003 [dua ribu tiga], saya *dipostingkan* [dipindahkan] di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa 2 [dua], Kota Bharu dan selepas 2006 [dua ribu enam] saya bertukar sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sering dan masa tu pada tahun 2006 [dua

ribu enam], 2007 [dua ribu tujuh] saya melanjutkan pelajaran, buat Master dan akhir sekali saya menyiapkan PhD dalam muzik.

SNH : Kiranya tuan sambung Phd itu sebelum masuk dalam kerjaya tuan, atau tuan sudah bekerja?

TMA : Saya *dah* [sudah] bekerja. Maksudnya, saya sambung pelajaran ini selepas saya bekerja memandangkan *kami* [saya] ini bukannya tergolong dalam keluarga yang senang. Jadi terpaksa kita bekerja dulu sambil-sambil itu kita *develop* [mengembangkan] diri kita, macam mana kita *nak* [hendak] bangun, kita bina empayar kita, macam mana kita nak meneruskan hidup ini dengan ilmu iaitu dengan belajar, belajar, belajar.

SNH : Boleh saya kembali semula ke alam persekolahan, jika tuan masih ingat, jarak rumah tuan dengan sekolah tuan?

TMA : Semasa sekolah saya sekolah di Sekolah Kebangsaan Mulong dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Mulong, jarak sekolah dengan rumah *kami* [tokoh membahaskan dirinya sebagai kami] dalam lebih kurang 2 [dua] kilometer. Dulu, *kita* [saya] tumpang kawan-kawan, tumpang *sedara-sedara* [saudara-saudara] ke sekolah. Kemudian, balik itu terpaksa *jale* [jalan] kaki, 2 [dua] kilometer *jale* [jalan] kaki, ikut parit air dan sebagainya seperti berbasikal.

SNH : Maksudnya tuan tidak tinggal di asrama?

TMA : Oh, tidak. Sekolah pada zaman itu, asrama di sekolah ini memang tidak ada.
Tidak seperti sekarang, memang banyak kekurangan.

SNH : Seterusnya, bolehkah tuan menceritakan serba-sedikit tentang pengalaman dan pencapaian tuan sepanjang berada di sekolah?

TMA : Semasa di sekolah saya tidak banyak pencapaian, cuma kita tengok sahaja. Jadi, saya ikut kawan-kawan, jadi kami peminat bola, bermain bola, pagi petang main bola. Sambil-sambil tu saya cuba meneliti ataupun memerhati sahaja kawan-kawan bermain gitar. Kita *tak* [tidak] mampu untuk *join* [sertai] dengan *diorang* [mereka], sebab gitar ini memang mahal. Sebenarnya, golongan yang elit-elit yang bermain alat muzik ini. Jadi, di sekolah - saya tidak banyak kejayaan - kerana waktu itu adalah dalam proses pembelajaran.

SNH : Pernahkah tuan terlibat dengan mana-mana aktiviti berkaitan dengan seni muzik tradisional sepanjang persekolahan?

TMA : Zaman persekolahan memang *kami* [saya] tidak terlibat langsunglah dengan apa-apa muzik, cuma zaman itu kita membuat tinjauan, kita perhati sahaja dan cuba benda yang boleh kita minat. Makna, masa itu zaman kegelapan kita, *dak* [menanyakan pendapat]? Zaman kita sekolah ini apa yang cikgu cakap, kita *yes je* [mengiyakan sahaja].

SNH : Zaman mencari identiti kita katakan.

TMA : *Haah* [mengiyakan], mencari identiti, kita macam *tak* [tidak] tahu apa-apa lagi.

SNH : Seterusnya, apakah matapelajaran kegemaran tuan semasa berada di alam persekolahan?

TMA : Saya sangat meminati seni lukis. Kemudian, mata pelajaran Sejarah dan Geografi. Geografi memang saya sangat minat. Kita *nak* [hendak] mengenal alam ini, kan? Buat kajian Sejarah dan sebagainya. Jadi, itu sebenarnya yang kita panggil proses mendewasakan kita, mengenal erti kehidupan.

SNH : Seterusnya kita ke alam universiti. Semasa menjadi seorang pelajar universiti, tuan ada terlibat dengan mana-mana persatuan ke?

TMA : Semasa di UPSI, Universiti Pendidikan Sultan Idris, sebenarnya saya memang banyak --- sebab saya sangat aktif semasa di sana, dimana saya nampak di Universiti Sultan Idris itu banyak peralatan-peralatan alat muzik yang tidak diguna tapi benda itu disediakan. Jadi, saya cuba buatkan *team* [kumpulan], tubuhkan kumpulan, saya sendiri yang mengajar. Kadang-kadang , contohnya, wayang kulit, makyong, silat, anklong, rebana ubi, dikir barat ni kemahiran tersebut memang *takde* [tiada] kepakaran di masa itu, masa saya belajar itu. Jadi, terpaksa saya jadi galang-ganti, terpaksa saya *develop* [membangunkan], saya cuba cungkilkan balik bakat-bakat kawan-kawan. Saya sebagai ketua dan saya pun mengajar cara-cara untuk bermain. Dengan kata lainnya saya ganti diri sebagai tenaga pengajar di sana secara percuma tanpa balasan, gaji ataupun *claim* [balasan] apa-apa. Jadi, semasa saya belajar di sana,

tiap-tiap malam kita buat aktiviti, saya rasa dua tahun setengah, tiga tahun tu memang *tak* [tidak] cukup kalau kita *tak* [tidak] buat benda-benda yang *practical based program* [program berdasarkan praktikal], terutama dalam bidang saya.

SNH : Seperti yang tuan katakan, tuan aktif dalam bidang seni muzik tradisional, ada tak sebarang pertandingan ataupun acara yang tuan masuki?

TMA : Zaman bila ini, zaman belajar ke zaman sekarang?

SNH : **Zaman belajar.**

TMA : Zaman belajar ni saya selalu sertai dalam pertandingan dikir barat, pertandingan kompong. Jadi, saya sejurnya saya tidak suka memasuki pertandingan-pertandingan yang macam itu, sebab *kita* [saya] lebih suka kepada persembahan. Apa persembahan kita nak tonjol, apa yang kita nak sembahkan. Kalau jenis persembahan ini, pertandingan ini ada macam-macam. Ada yang *tak* [tidak] puas hati, *dak* [kan]? Ada yang rasa macam-macam. Jadi, pertandingan ini kita banyak kepada stress sebab kita mengejar sesuatu. Jadi, saya lebih gemar kepada aktiviti-aktiviti yang menghilangkan stress, *enjoy* [menyeronokkan]. Jadi, kita buat satu benda itu dengan rela hati, rasa suka, *enjoy* [seronok] menyebabkan benda-benda tadi yang membolehkan kita ___ seni itu tadi. Kalau kita masuk pertandingan, kalau kalah mungkin yang kalah itu akan rasa kecewa, *frust* [marah] dan dia *tak* [tidak] akan masuk bertanding lagi. Yang bertanding dan mendapat johan, kita nampak dia mempunyai

semangat yang kuat, berkobar-kobar kerana dibagi habuan, hadiah dan sebagainya. Kumpulan tu sahaja yang rasa hebat dan satu *je* [sahaja] yang johan, yang sepuluh lagi akan rasa kecewa dan dia kecundang, dia *taknak* [tidak mahu] lagi bermain, sebab dia kalah, dia malu.

SNH : Kalau boleh saya tahu apakah subjek yang tuan minati semasa tuan bergelar sebagai seorang mahasiswa?

TMA : Semasa mahasiswa itu, subjek yang saya gemar - gemar tak gemar pun kena gemar *lah* [juga] sebab kita sudah berada di dalamnya. Di mana saya, semua saya gemar, apa-apa bentuk muzik. *Takde* [tiada] yang kita nak asingkan, kita nak anaktirikan ilmu tadi. Jadi, alhamdulillah apabila kita sayang semua ilmu, maka ilmu tadi akan menolong kita selepas proses pembelajaran .

SNH : Kalau boleh tuan berikan contoh subjek?

TMA : Subjek saya banyak kepada muzik tradisional yang dipanggil muzik Malaysia, terutama dalam bidang warisan Kelantan.

SNH : Bolehkah tuan kongsikan pengalaman yang tuan lalui sepanjang bergelar sebagai seorang mahasiswa?

TMA : Kongsi pengalaman? Sebenarnya kongsi pengalaman ini banyak cerita yang - - pengalaman yang baik ke yang *tak* [tidak] baik? Yang manis ke yang kecewa?

SNH : Yang manis. (ketawa kecil)

TMA : Oh, yang manis. Sebab kita ini ada macam-macam pengalaman. Kecewa ada, pahit manis- yang manisnya, masa belajar, saya telah dilantik sebagai fasilitator semasa sambung belajar dalam Master. Jadi, ia berbayar, maknanya saya belajar sambil bekerja. Yuran, kos belajar untuk belajar itu *free* [percuma] sebab saya jadi *fasi* [fasilitator] satu hari, masuk kelas satu hari semasa buat Master. Semasa buat degree, pengalaman saya yang manis sekali ialah kami ditawarkan untuk buat persembahan di luar negara - di Indonesia, di Thailand dan sebagainya.

SNH : **Saya rasa itu sahaja soalan dari saya berkaitan latar belakang serta latar belakang pendidikan Tuan Aswawi. Seterusnya, saya serahkan kepada rakan saya, Nur Shazleen Izzati untuk meneruskan temubual ini.**

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

- NSI** Terima kasih cik Siti Nurhazarina kerana memberi saya peluang, kita ke :
perbahasan seterusnya iaitu mengenai kerjaya awal. Sejurus tamat
persekolahan boleh saya tahu apakah pekerjaan pertama yang tuan buat?
- TMA** Okey [baiklah] kita ke perbahasan kita berbahas ke macam mana? *okey* [baiklah] :
sebenarnya perjalanan hidup ni banyak susah dan senangnya pahit dan manis,
selepas sekolah saya -- bekerja sebagai -- selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]
untuk dia punya cuti apa ini cuti peperiksaan terus meneruskan semasa
melanjutkan persekolahan lagi masa lapang itu saya membuat kerja sebagai --
tukang rumahlah kira buat rumah batu [dipanggil] *bagai* [sebagai] buruh kasar _
_ _ cara-cara hendak mengikat bata, bancuh simen dan sebagainya hampir dua
bulan bekerja. zaman itu adalah zaman kita mencari - cari. Di samping itu juga,
saya cuba apa yang dapat duit kita akan *buak* [buat] dimana saya menanam padi
bersama keluarga. Di samping itu juga, saya menceburji bidang keusahawanan di
mana pertama kalinya saya cuba untuk buka kedai makan secara suka-suka
sahaja. Selepas sekolah itu saya cuba masuk tingkatan enam jadi tidak kerja. Di
samping itu apabila balik sekolah saya cuba pergi jual macam kerongsang, kain
tudung dan sebagainya di Pasar Siti Khadijah untuk menampung hidup untuk
mencari duit untuk membeli minyak motor dan sebagainya. Selepas itu, saya juga
belajar membuat roti canai. Apa benda yang dapat duit yang halal *kita* [saya] akan
cubalah.

- NSI **Berapakah pendapatan awal semasa tuan melakukan pekerjaan pertama?**
TMA Pekerjaan pertama sebagai kuli, pendapatan satu hari dapat lebih kurang tiga belas ringgit satu hari, maknanya lima puluh ringgit, tujuh puluh ringgit seminggu, jadi *dia* [majikan] bagi tiap-tiap minggu. Jadi itulah pendapatan kami, di bawah daripada seratus lah. Masa itu sepuluh ringgit memang besarlah memang boleh beli apa-apa, minyak pun dua ringgit satu tangki. Tiga ringgit dah dapat banyak dah. Jadi, masa buat roti canai tu, pendapatan *kami* [beliau membahasakan diri sebagai kami] ialah lebih kurang dua ratus tak sampai dua ratus lah seminggu. Seminggu ini lebih kurang dua puluh ringgit seminggu. *Kita* [beliau membahasakan diri sebagai kami] mencuba buat sendiri kadang-kadang itu rugi. Ingat kenangan pahit masa bulan menyambut perayaan hari raya maknanya, saya dapat gaji terkumpul hasil jualan roti canai tadi lima puluh ringgit. Jadi boleh buat hari raya lima puluh ringgit.
- NSI **Tadi kan tuan cakap tuan bekerja sebagai penjual roti canai jadi saya hendak tahu dekat mana tuan - - -?**
TMA *Okey* [baiklah] saya membuat roti canai di Bunut Payung itu pun tumpang kedai orang yang saya buat kuli rumah di kampung Salor pasir tepi *Salor Pendek Kota Bharu* [Kelantan]. Kemudian selepas itu, saya juga buka kedai makan, kedai kopi di Kampung Tunjung di sebelah rumah erm di jalan __ Kuala Krai. Di samping itu saya juga buat nasi Kerabu yang dibantu oleh mak saya. Jadi apa benda yang saya buat tu memang saya daripada kosong *zero* [kosong] tapi keinginan untuk meniaga itu memang adalah dan sampai sekarang saya masih meneruskan perniagaan itu tapi bidang lain Setelah saya pergi ke *posting* [dipindahkan] di

Johor Bahru, saya buka kedai makan restoran, buka pusat tuisyen pah balik di Kelantan ini saya buka bengkel ataupun kilang membuat alat muzik tradisional lah Gong, Rebana, Rebana Ubi, Gendang dan sebagainya.

NSI **Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang tuan menjalankan pekerjaan pertama?**

TMA Pengalaman tidak dapat dilupakan ialah saya selalu bercerita dengan kawan-kawan iaitu pengalaman membuka kedai makan. Masa buka kedai makan *takdi* [tadi] sayanya tidak pernah pun membuat air sendiri - - di rumah - - pun di mana-mana kerana mak sahaja yang buat. Dan apabila membuka kedai makan ini kita kena buat air bancuh air sendiri terutama air teh. Air teh ini memang satu pengalaman yang pahit bagi saya. Saya buat air teh ini memang pelanggan kata “Macam mana *you* [awak] buat air ini macam air basuh pinggan rasa” sebab *kami* [saya] tapi tak mengapa kita tidak mengalah kita akan pujuuk pelanggan kita...minta maaf, *sorry* [maaf] nanti tukar lain kita tanya hendak buat macam mana sedap. Kadang pelanggan bagitahu formula-formula untuk dapatkan menu yang sedap. Di situlah kita saya tahu bancuh teh macam mana, macam mana nak sedap untuk dia rasa dipunya *kaw* [sedap] dia itu dia rasa inilah yang saya rasa tidak dapat dilupakanlah peristiwa-peristiwa macam tadi yang telah di - -.satu lagi saya zaman- -cuti sekolah saya masa musim perayaan masa bulan puasa saya menjual bunga api dengan kad raya, jadi itu yang kita rasa pengalaman-pengalaman yang tadi menyebabkan kita rasa macam kita yakin diri jati diri kita dengan pelanggan, cara bercakap, cara kita hendak promosi menyebabkan saya

sekarang ini boleh katakan dua dalam satu kerjaya sebagai usahawan dan sebagai *lecturer* [pensyarah].

NSI Siapakah yang memberi galakan kepada tuan untuk menjalankan pekerjaan pertama ini?

TMA Sebenarnya yang pengalaman untuk mengajak saya - - - membuka kedai makan ialah abang sayalah. Abang saya yang kedua iaitu Muhamad Azam Isa. dia yang merisau menjadi satu kerisauan kepada dia kerana takut saya tiada kerja. Jadi dia suggest [cadangkan] untuk buka kedai makan “Berani ke tak?” dia kata saya kata “Berani”. Saya sanggup tapi kena *pakat* [sama-sama] tolonglah. Jadi kerana perkataan itulah saya sahut...saya terima cabaran dia. Jadi saya tidak langsungnya saya sedang mencebur dalam bidang perniagaan.

NSI Jadi adakah ia berkaitan dengan pengajian tuan atau tidak?

TMA Sebenarnya, masa tu zaman mencari-cari kita tidak tahu apa yang akan jadi apa yang kita punya *strong* [kepakaran] apa yang kita punya kepakaran yang ada pada diri kita. Sebenarnya apa yang kita buat itu tidak ada langsung kaitan dengan kerjaya sekarang ini. Yang memaksa saya ialah kerana ada kawan saya sekolah itu dia bawak - - - menyuruh saya mengisi borang untuk permohonan borang untuk masuk maktab. Jadi kata saya “Nak isi apa ni” dia kata muzik dia senang. Masa tu saya tidak tahu pun apa itu muzik. Saya tidak tahu apa - apa pun... kosong muzik. Jadi “muzik lah senang” dia kata *enjoy* [seronok]. Saya ambil borang tu saya tidak isi pun. Saya bawa balik kak saya tolong isi sebab saya sibuk duduk berniaga kan. Kata “You tandatangan sini” “Nak buat apa ni?” “Masuk maktab” saya kata “taknak” maktab gaji murah. Masa itu seribu...sembilan ratus

setengah gaji campur-campur dengan elau dapatlah seribu tiga ratus. Jadi kami bermiaga haritu dapatlah lima puluh ringgit sehari. Jadi dia kata isi lepastu mak kata "Awie awak kena pergi sebab ini kerja kerajaan - - kata mana-mana *you* [awak] boleh bermiaga. Masa *free* [terluang] boleh bermiaga tapi ni peluang". Jadi saya pun dengar nasihat ibu...berkat jadi saya sampai sekarang.

NSI **Jadi apakah cabaran yang tuan tempuh sepanjang bekerja untuk pekerjaan pertama?**

TMA Pekerjaan pertama dalam membuka kedai makan - satu cabaran kita ialah kita tiada pengalaman. Kita hendak buat air buncuh air tidak pandai, hendak masak tidak pandai jadi hendak - - - dengan *kliennya* [pelanggan] yang macam-macam hal ada. Dengan tidak cukup tidur. Kita kerja lebih kurang dua puluh empat jam. Pagi pukul lima..enam pukul enam setengah bangun sudah bersiap kedai makan pukul tiga pagi tutup. Jadi itu dunia kita di dalam kedai kita. Jadi rasa penat dan cabarannya ialah apa - apa yang *kita* [saya] hendak cuba buat itu biarlah ada ilmu dan pengalaman tidak pengalaman secara praktikal pun mungkin kita dapat pengalaman bertanya khabar dengan orang-orang yang lebih mahir. Barulah kita boleh menceburi bidang saya ini kira berani matilah jadi tidak jadi pun lantak pergilaah kita *enjoy* [menikmati].

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: BIDANG SENI MUZIK TRADISIONAL

NSI : Selain itu, kami juga ingin mengetahui tentang seni muzik tradisional menurut pandangan tuan. Bolehkah tuan jelaskan apa itu seni persembahan ?

TMA : Seni persembahan ini kita iaitu apa yang ada pada kepakaran kita. Makna kita rasa kepakaran kita ini kita hendak luahkan dalam bentuk apa-apa bentuk. Seni itu kita olah ke dalam bentuk percakapan, dalam bentuk nyanyian dalam bentuk lukisan dalam bentuk ukiran dalam bentuk permainan, dalam bentuk apa jua yang kata menarik seni ni. Mengikut kitalah, kadang-kadang seni kita ini orang pandang tidak cantik tapi kita rasa itulah seni kita kita rasa cantik sebab penilaian seni ni merupakan - apa ini kemahiran ataupun luahan yang kita hendak luahkan dalam diri kita dalam berbagai aspek tu kita luahkan dan kita nilai sendiri kita sebab seni itu tidak sama dengan sesama kita kadang-kadang seni itu kita tidak nampak cantik tapi orang lain nampak cantik. *Begitu juga dengan seorang perempuan dok? [bukan]* ehh “cantiknya tu” eh “aku tak cantik, cantik sangat dia” itu tapi kenapa kita kata orang cantik tiada suami orang yang tidak berapa cantik ada suami. Sebab dalam penilaian seni ini yang tuhan buat kita ini dalam bentuk persepsi ataupun pandangan penilaian yang berbeza dalam kita punya hati dan naluri kita. Jadi macam mana hendak persembahkan itu *atah* [atas] kreativiti masing-masing itu yang saya katakan seni persembahan. Yang saya *concentrate* [tumpukan] ni *as* [sebagai] seni persembahan dalam bentuk muzik bidang - - dia punya topik - topik pula.

NSI : *Okey [baiklah] seterusnya - apakah definisi muzik tradisional menurut pandangan tuan?*

TMA : Tradisional itu merupakan satu tradisi. Maksud tradisi ini satu benda yang digunakan oleh satu-satu masyarakat yang memerlukan masa yang panjang, mungkin sepuluh tahun, lima puluh tahun jadi tradisi ini menjadi ikutan ramai. Contohnya tradisi orang kelantan pagi - pagi makan nasi. Tradisi orang- orang negeri barat lain. *Jadi tradisi orang kita nak naik rumah* [masuk ke dalam rumah] kena buka kasut, selipar dan sebagainya. Itu merupakan satu dipanggil cara hidup, cara hidup yang diikuti ramai yang boleh diterima ramai dan yang lama. Jadi itu merupakan satu tradisi yang tradisional yang tiada atau ada sedikit unsur- unsur evolusi moden ataupun yang diadaptasikan benda- benda lain.

NSI : **Seterusnya, bagaimana seni muzik tradisional ni berbeza dengan seni lain?**

TMA : seni muzik berbeza dengan benda lain?

NSI : ***Haah [mengangguk setuju]***

TMA : Seni lain atau dengan muzik lain?

NSI : **Seni lain.**

TMA : Seni muzik. Seni muzik tradisional ini berbeza dengan lain biasanya. Muzik tradisional ini kita katakan dia punya *knowledge* [pengetahuan] ataupun metodolo- - method dia untuk kita mainkan tidaklah begitu sukar dan boleh digunakan oleh semua masyarakat termasuk lelaki perempuan, kecil besar tua muda. Jadi muzik tradisional tidak memerlukan satu proses pembelajaran yang betul- betul serius. Tapi sekarang ni muzik tradisional telah diubahsuai cara metodologi dia berbeza. Biasanya muzik tradisional ini dia kita cara

pembelajaran, cara turun-temurun ataupun dengan cara mewarisi ataupun kita boleh gunakan cara dipanggil meniru bunyi-bunyi alat-alat tersebut makna akan diadaptasikan atau *transfer* [dipindahkan] kepada alat muzik. Dan satu lagi yang muzik moden muzik lain ini sebenarnya - muzik moden ni banyak menggunakan peralatan-peralatan yang menggunakan elektrik. Menggunakan notasi-notasi tertentu menggunakan buku ataupun modul-modul yang telah dibuat dan diajar di sekolah-sekolah dan pada dan pada akhir ini muzik tradisional juga telah diinovasikan dengan membukukan ataupun dengan menggunakan satu instrumen untuk belajar - - -.

NSI : Apakah peranan emosi dalam mencipta atau memahami karya seni muzik ini?

TMA : Emosi dalam penghasilan karya muzik? maksudnya?

NSI : Mace [macam] kena ada emosi semasa membuat karya - - -

TMA : Semua manusia ini ada emosi masing- masing kalau tiada emosi maka dia panggil *tak betul lah eh?* [menanyakan persetujuan] orang marah pun dia senyum orang pukul pun *dio* [dia] buat-buat tidak peduli orang kata apa pun, puji pun dia *buat tok tahu* [tidak mempedulikan]. Sebenar emosi merupakan satu benda yang fleksibel dalaman, dimana hati dan perasaan. Hati perasaan ini sebenarnya satu penyakit emosi ini - kalaualah dimana kita boleh merawat dia. Kadang- kadang kita sendiri merawat macam mana hendak tenangkan pikiran kita macam mana kita nak marah - masa marah kita hendak tenangkan. Kita guna banyaklah-banyak bersabar ataupun kita mempositifkan diri kita. Dalam penghasilan karya dalam bidang muzik terutama dalam lagu-lagu, emosi-emosi kadang-kadang kita

terpaksa menyelami ataupun kita terpaksa kononnya kita sedih ataupun macam mana kita hendak meniru untuk cerita, contohnya cerita ‘Putusnya Seorang Kekasih’. Sedangkan kita tidak pernah bercinta. Jadi dia tanya macam mana perasaan dia dan kita rasa-pun akan *feel* [menjiwai] macam ini sedihnya dan kita akan adaptasikan perasaan itu dia panggil seni tadi di dalam bentuk penulisan seni tadi kita akan adaptasikan dalam bentuk tulisan kita tulis dalam bentuk perkataan apabila perkataan tadi kita olahkan lagi seni tadi dalam bentuk muzik dalam bentuk muzik ini kita akan buat notasi muzik buat *coding* [code muzik] dia punya *mood* [suasana] rentak dan sebagainya dan dalam *mood* [suasana] tadi kita akan lontarkan dalam bentuk suara maksudnya macam mana kita nak muka suara sedih, suara semangat suara mendayu atau suara memujuk itu seseorang kena dipanggil kena menghayati dimana kadang-kadang kita tidak perlu berada di situasi sebenar macam mana pembaca syair, sajak dan sebagainya sampaikan dia menghayati penghayatan dia itu dia *feel* [perasaan] itu sampai dia menangis macam mana seorang penyanyi menyanyi di atas pentas sampai dia menangis bersedih *berteriak teresak-esak* [menangis] kerana dia rasa dia mendalam ataupun dia mewakili perasaan seseorang yang sedih suka duka *takdi* [tadi]. Adakah awak sedang bersedih sekarang ini?

NSI : (ketawa kecil) tidak-tidak. Seterusnya, bagaimana seni muzik ni dapat memberi impak kepada budaya atau entiti masyarakat?

TMA : Sebenarnya, dalam konteks seni ini sebenarnya satu laluan ataupun satu - dia panggil satu dakwah ataupun satu program yang dirancang oleh penggiat - penggiat ataupun ahli - ahli pemikir- pemikir barat dimana mereka telah berubah

merubah atau berjaya mengubah sesuatu bangsa dari segi aspek tata cara hidup gaya hidup dan budaya dan akhir sekali agama dimana mereka menggunakan seni contohnya dia mereka cipta muzik Rock, Punk , Rap dan sebagainya jadi ramai yang pengikut- pengikutnya telah mengikuti termasuk di Malaysia ramai peminat-peminat Rock masa *battle old band* [kumpulan band muzik] Ella dan sebagainya. Maka apa yang dikatakan berubah mengubah sesuatu bangsa dan masyarakat tadi kita nampak cara pergaulan peminat-peminat Rock sudah berbeza dengan tatasusila masyarakat orang melayu memakai subang lelakinya pakai gelang pakai rantai cakap pun “wa” “lu” pakai baju berkoyak pergaulan bebas ada yang mengadakan hubungan sesama jantina dan sebagainya kerana cuba mengikut idola mereka iaitu laluan yang telah di buat oleh barat untuk merubah sesuatu bangsa ini dengan kata lainnya, di Malaysia juga kita sudah promosi ataupun *develop* [membangun] warisan kita iaitu dimana contohnya, aktiviti seni dikir barat oleh sekarang ini dikir barat sudah dibangkitkan semula oleh anak-anak muda dimana kita tengok penggiat-penggiat seni budaya di Kelantan sudah berubah dari segi aspek identiti dimana ada yang pakai tanjak ada yang pakai semutar berpakaian bersopan santun dan sebagainya. Jadi, dimana seni ini boleh merubah sesuatu bangsa sekiranya kita tidak buat promosi ataupun tidak bangunkan seni kita ini maka seni lain seperti yang Rock and Punk tadi akan masuk menggantikan seni kita yang semakin hari yang kita kata itu tidak betul ini tidak betul itu salah ini salah kita tidak membina seni kita sedangkan seni ini amat seseorang itu memerlukan seni dalam sanubarinya.

NSI : Bagaimana tuan melihat hubungan antara teknologi dan seni muzik?

TMA : Saya nampak teknologi dan seni muzik ini dia banyak dari segi aspek pelbagai elemen-elemen kita tengok dari segi satu lagi dari segi muzik elemen teknologi dalam seni muzik persembahan contohnya macam mana penggunaan mikrofon, audio, video dalam persembahan Wayang Kulit dimana guna teknologi dalam dari segi pembesar suara live, video dan sebagainya kelas secara *online* [dalam talian] Wayang Kulit kemudian dari segi teknologi juga dalam bentuk pembuatan *Plug In* [pasangkan] dalam alat muzik sendiri. Contohnya, macam mana kita menghasilkan Rebab Elektrik, Gendang Kecapi Elektrik perkakasan-perkakasan yang lain macam mana kita olah dalam bentuk alat muzik tradisional ini dalam konteks teknologi yang akan dibuat nantilah.

NSI : **Soalan yang seterusnya, bolehkah tuan cerita serba sedikit mengenai jenis-jenis alat muzik tradisional yang ada ?**

TMA : Sebenarnya alat -alat tradisional ini memang banyak saya lebih suka kepada yang kelantan. Yang di Kelantan ini memang banyak contohnya Wayang Kulit, Rebana Ubi, Dikir Barat, Gendang Kecapi, Mak Yong, Menora, Kertuk, Gendang Silat, Rebana Kerincing, Kompong - lepastu banyak lagi. Jadi dengan kata lain di Kelantan dah banyak dah di mana di kata Gedung Budaya itu memang betul.

NSI : **Pada pandangan tuan, apakah alat muzik yang senang untuk dipelajari?**

TMA : Alat muzik yang senang dipelajari ini bagi saya semua senang kalau kita pandailah. Sebab kita ada - - - muzik semua pandai jadi yang paling *simple* [mudah] dalam muzik tradisional mungkin *you* [awak] boleh - - - saya tengok dalam konteks *student-student* [pelajar] barulah mungkin awak boleh belajar Kertuk, Rebana Ubi, Gong yang senang - senanglah yang susah sikit contohnya

cara nak tiup Serunai, bermain Rebab selepas itu banyak - banyak yang menggunakan Embouchure, woodwind dan string sebab memerlukan kepakaran dan kemahiran yang tinggi untuk kita - - -.

NSI : Jika terdapat individu yang ingin menceburi bidang muzik ini, Apakah kriteria yang perlu ada pada beliau?

TMA : Individu yang ingin belajar yang perlu ada padanya yang saya tidak nampak benda lain kecuali minat. Kalau *you* [awak] minat untuk belajar maka *you* [awak] akan sanggup untuk berlatih sampai dua puluh dua tiga puluh jam pun *you* [awak] sanggup sebab *you* [awak] minat kalau dia sampai betul pandai ada bakat dan sebagainya dia tidak minat apabila tidak minat mari cikgu, pensyarah mana-mana langit ke turun dia takkan buat dia tidak akan belajar dia tidak akan ada latihan susulan kelas pun dia tidak datang. Sama juga macam kita minat seseorang jauh pun kita akan menelefon pergi dan sebagainya. Tapi yang penting ialah minat tetap tidak minat maka saya yakin dan percaya benda itu tidak akan berjaya

NSI : Adakah persembahan seni tradisional ini masih mempunyai tempat dan diminati oleh masyarakat sekarang?

TMA : Dalam konteks muzik tradisional apa- apa sukan ke dan sebagainya makanan terdiri daripada aspek budaya sebenarnya dalam konteks muzik tradisional ini dia macam berkala dia macam air pasang surut dia *takleh* [tidak boleh] hendak *sustain* [mengekalkan] *mungkin bulan ini musim dikir barat dok?* [menanyakan persetujuan] naik Dikir Barat, *famous* [terkenal] apa semua - - - Wayang Kulit kemudian Tomoi, Silat. Jadi benda itu macam dia tenggelam timbul. Jadi saya rasa ini mungkin disebabkan oleh satu promosi lah dimana saya nampak Dikir

Barat ini semakin hari semakin dipanggil semakin *cambah* [bercambah] dimana saya nampak dalam Tiktok, *fb* [Facebook] dan sebagainya, Youtube dan sebagainya semua diorang *post* [sebarkan] tentang Dikir Barat. Jadi itulah menyebabkan menggalakkan anak-anak muda yang baru hendak mengenali ataupun hendak mencuba. Jadi dalam konteks *knowledge* [pengetahuan] ataupun promosi penting untuk mengubah sesuatu pemikiran ataupun sesuatu minat seseorang itu makna kita kena *introduce* [perkenalkan] kepada diorang [masyarakat] apa benda apa yang *you* [awak] faham awak kenal maka awak akan rasa minat apabila awak minat awak rasa cinta kalau awak rasa cinta awak rasa sayang hendak lepaskan dan awak akan pelihara dan memulihara maknanya bercakap apa pun contoh-contohnya saya tengok yang semangat-semangat kental bagi penggiat-penggiat budaya di Kelantan ni Mak Yong, persembahan Main Puteri, Wayang Kulit cakap macam mana pun haram berdosa benda ini salah, benda ini salah khurafat tapi dia ada falsafah yang tersendiri haram macam mana pun dia akan teruskan sebab itu ‘Wayang Kulit’ boleh bertahan sampai sekarang tidak akan dikuburkan masih ada lagi dia punya penggiatnya sebab apa, sebab dia boleh berhujah dan bagi alasan walaupun orang cakap haram macam ini, macam ini dia boleh kena - - - begitulah perbezaan pendapat antara golongan ulama dengan penggiat seni ini perlu disatukan dan boleh berbincang dan di sekarang di Kelantan, Alhamdulilah ada satu Enakmen undang-undang Akta Hiburan yang membolehkan bermain Wayang Kulit dengan syarat - syarat macam macam ini. Maka itu jalan cerita yang tengah boleh kita semarkan untuk menolong seni kita ini supaya tidak dikuburkan.

NSI : Jadi bagaimana seni muzik ni menjadi sebagai medium untuk menyampaikan mesej atau cerita?

TMA : Sebenarnya seni apa yang saya bagitahu tadi macam mana kita hendak olahkan hendak sampaikan satu elemen, penyampaian dengan trend dakwahlah kita boleh merubah seseorang itu dengan cara dengan berbagai cara yang saya cakap tadi boleh mengubah bangsa, agama dan sebagainya. *Jadi berpandukan dengan tajuk kita tadi apa tadi - - - mesej eh* [meminta penjelasan]. okey , mesej - mesej ini sebenarnya banyak benda yang kita boleh kongsi dari segi contohnya Dikir Barat dia boleh sampaikan kepada telinga pendengar-pendengar macam mana situasi-situasi sekarang contohnya Palestin, dia boleh berkarya dalam bentuk deritanya peperangan di Palestin begitu juga dengan Wayang Kulit di boleh ceritakan ke dalam bentuk cerita wayang kulit tadi dalam bentuk dalam pelbagai element contohnya cerita ‘Nasi Dingin’. Cerita-cerita yang menyebabkan kita tahu apa mesej yang nak disampaikan. Boleh tengok hasil karya - - - lagu-lagu ‘Pop’ lagu-lagu semasa lagu-lagu moden ini dia boleh luahkan apa yang disampaikan dalam bentuk berbagai sudut. Jadi dari segi pencapaian, kita tengok dari segi persembahan makna Dikir Barat ni memerlukan ‘awak-awak’ yang ramai perlukan latihan dan sebagainya jadi itu merupakan satu *teamwork* [kerja berpasukan] macam mana kita hendak terap teamwork gotong-royong kerjasama dalam sesuatu budaya itu, tanpa teamwork dia tidak akan buat. Jadi kalau kita tanya *diorang* [mereka] tidak tahu *teamwork* [sepasukan] apa rupa-rupanya dia sudah ada keserasian dalam kumpulan, nak mengurus, mendengar perintah ketua, bergotong-royong semangat kerjasama bertepuk tangan bersama-sama. Jadi apa

yang hendak kita bagitahu sini seni dalam bentuk yang halus kadang-kadang kita memberikan satu pemikiran satu telitian yang teliti baru kita boleh sampaikan pada dalam buku dan sebagainya.

NSI : **Apakah peranan penggiat seni muzik tradisional dalam memperkaya kepelbagaian budaya dan identiti kebangsaan?**

TMA : Okey, peranan *NGO* [Non-profit organization] ataupun penggiat-penggiat budaya dalam dipanggil industri sekarang semua hendak industri, kenapa industri sebab sekarang semua seni persesembahan dan sebagainya memerlukan belanja, kos iaitu ada pertukaran wang ringgit macam *bisnes* [perniagaan] jadi dalam konteks membudaya pelbagai bangsa dia telah membuat promosi, membuat persembahan secara berbagai instrumen antaranya melalui *live* [secara langsung] Tiktok, Facebook dan membuat persembahan kampung ke kampung membuat persembahan di depan masyarakat setempat di sebagai latihan membuat persembahan jemputan daripada kenduri kahwin dan sebagainya. Saya nampak masyarakat yang penggiat-penggiat budaya sekarang sudah tahu menggunakan teknologi yang terkini dalam mempromosikan dia punya produk untuk mlariskan persembahan mereka di sekitar ataupun di dalam negara ataupun di luar negara.

NSI : **Seterusnya, bagaimana penggiat seni muzik tradisional memainkan peranan dalam mengajar generasi muda tentang nilai atau sejarah warisan budaya melalui muzik?**

TMA : Sebenarnya dalam memberi kesedaran kepada masyarakat-masyarakat tentang sejarah dan budaya *diorang* [penggiat seni muzik tradisional] menggunakan elemen-elemen muzik contohnya dalam persembahan Dikir Barat memasukkan

isi-isi dari segi pantun, juara lagu memberitahu contohnya tentang Kemerdekaan tema Kemerdekaan dia akan berpantun ataupun Tukang Karut akan memberi isi-isi dan kesedaran macam mana penubuhan Malaysia macam mana perjuangan tokoh-tokoh patriotik dulu dan benda-benda begini yang boleh memartabatkan *kita* [penggiat seni muzik tradisional] punya warisan bangsa dan kesedaran terhadap masyarakat melalui persembahan-persembahan yang mereka adakan dalam pelbagai bentuk dari segi *online* [dalam talian] Youtuber dari segi Tiktok, Instagram dan sebagainya.

- NSI : Adakah usaha-usaha yang diambil oleh penggiat muzik tradisional untuk menghadapi cabaran dan mengembangkan genre muzik tradisional dalam konteks zaman moden?**
- TMA : Cabaran mereka ini memang kata banyak satu dari segi yang penting sekali cabaran mereka ialah dari segi dana. Sekiranya tidak ada sumbangan dalam bentuk wang ringgit saya rasa mereka akan matilah maknanya kumpulan mereka akan terkubur sebab satu mereka untuk buat persembahan mana-mana memerlukan duit satu untuk makan minum belanja minyak untuk beli beras sebagainya untuk anak-anak mereka sekiranya dari segi aspek kewangan kita abaikan saya yakin dan percaya seni budaya kita akan tak berkembanglah. Jadi - - mereka ni kadang-kadang dia memerlukan perbelanjaan ada yang sanggup menaja contohnya keperluan-keperluan tertentu seperti Makmur Gold, Dato' Sri Vida menaja keperluan-keperluan seni muzik tradisional supaya membuat persembahan jadi saya nampaklah benda ini berkembang dengan begitu positiflah.

NSI : Untuk soalan yang terakhir bagi seni muzik tradisional ini, apakah inisiatif tuan bagi mengekalkan karya yang terbaik ini?

TMA : Satu lagi untuk mengekalkan hasil budaya bangsa kita ini yang pertama kita kena dokumentasikan benda ini sebab banyak khazanah-khazanah yang sudah hilang sebab seni ni berkala *dia* [seni] ada pasang surut nya apabila masa pasangnya kita tidak dokumentasikan benda ini maka tiada nya penggiat-penggiat yang lama, yang meninggal maka benda itu akan dikuburkan saya kata tadi, maka - - - dulu ada sepuluh item apabila sekarang ini dah ada lima jadi yang seriusnya kita sebagai berada di universiti-universiti orang yang cerdik pandai ini perlu mendokumentasikan adakan satu modul pembelajaran sediakan satu kelas untuk kita formalkan benda ini dan cari dana sedikit, peruntukan untuk melatih ataupun untuk bagi satu sumbangan kepada mereka -mereka yang suka bergiat seni ini. Setahu saya, pada pengalaman saya orang-orang seni memangnya tergolong dalam masyarakat yang susah, *B40* [pendapatan isi rumah yang rendah di Malaysia] terutamanya dikir barat, wayang kulit dan sebagainya sebab masa bekerjanya terhad contohnya dia bermain wayang kulit malam, pukul satu baru balik besok lebih tidak dapat pergi kerja dan sebagainya. Jadi masa terhad di penuh dengan kerja-kerja macam itu.

NSI : Untuk bahagian seterusnya saya serahkan kembali kepada Siti Nurhazarina.

TMA : *Okey.* [baiklah]

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENGGIAT SENI MUZIK TRADISIONAL

- SNH :** Terima kasih Nur Shazleen. Jadi, untuk bahagian penggiat seni muzik tradisional -- tuan, pada tahun berapakah tuan mula menceburi bidang seni muzik tradisional, dan apakah pekerjaan pertama tuan dalam bidang ini?
- TMA :** Saya menceburi bidang seni muzik tradisional ini pada tahun 1993 [sembilan belas sembilan puluh tiga] lagi sebagai pelajar di Maktab Perguruan Kota Bharu, di mana saya telah dididik oleh pakar-pakar muzik dan pekerjaan pertama *kami* [saya] adalah cikgu muzik di Sekolah Kebangsaan Taman Perling, Johor Bahru.
- SNH :** Bagaimana tuan boleh terlibat dalam bidang seni muzik tradisional sehingga mendapat nama?
- TMA :** Semasa belajar di Maktab Perguruan Kota Bharu, Antara *item-item* [subjek] itu, saya meminati *item* [subjek] muzik tradisional, di mana pensyarah kami biasanya ajar sedikit sahaja *basic* [asas], dan selebihnya saya pergi belajar di kampung-kampung bersama masyarakat-masyarakat sekitar itu, di kampung Tumpat, Morak, Gelang Mas, Wakaf Che Yeh, Kota Bharu dan banyak lagi. Jadi, kita meneroka ataupun mencari ilmu yang rasa kekurangan itu.
- SNH :** Sejak bila tuan perasan yang tuan cenderung kepada bidang seni muzik tradisional?

TMA : Saya cenderung dalam bidang seni muzik tradisional pada zaman maktab perguruan lagi, di mana saya boleh ikut apa yang pensyarah kami ajar dari segi belajar gendang, gong dan sebagainya _ __ wayang kulit. Di samping itu, saya juga belajar dengan orang kampung cara-cara hendak tiup serunai. Jadi, kebetulan pada masa itu, ayah saya juga bagi dorongan, di mana dia tolol bantu membuat serunai untuk saya. Jadi, saya guna hasil karya bapa saya tadi untuk meneruskan legasi.

SNH : **Jadi, cita-cita tuan bukanlah berputik sejak kecil lagi untuk menjadi seorang penggiat seni?**

TMA : Tidak, selepas mendapat pendidikan daripada maktab perguruan itulah saya mula cambah benih-benih dalam bidang seni muzik tradisional ini.

SNH : **Adakah tuan juga mempunyai ahli keluarga yang berkecimpung dalam bidang seni muzik tradisional?**

TMA : Sebenarnya, kami dibesarkan dalam keluarga seni, di mana ayah saya pun terlibat dalam pembuatan alat muzik - buat rebana, dari segi buat ukiran-ukiran lain dan sebagainya, seni kampung. Jadi, masa itu saya tidak minat lagi, cuma layan macam tengok-tengok saja. Kita tidak terasa aku ini boleh bermain seperti sekarang ini. Jadi, selepas mendapat pendidikan dan pemahaman yang betul

macam mana nak bermain dengan alat muzik tadisional ini barulah saya minat dan fokus dalam bidang ini.

SNH : **Siapakah insan yang mula-mula perasan akan kelebihan tuan dalam bidang seni muzik tradisional?**

TMA : Sebenarnya, yang perasan, yang nampakkan saya minat ini tidak lain tidak bukan adalah ayah saya. Dia nampak saya berkecimpung dalam bidang muzik, dia pun cuba membawa saya kepada kawan-kawan dia yang mahir dalam bidang ini. Jadi, cubalah kita untuk buat kajian, untuk bertanya khabar, macam mana *nak* [hendak] belajar, macam mana hendak itu hendak ini. Jadi, banyak didorong oleh keluarga saya.

SNH : **Apakah persepsi keluarga tuan mengenai penglibatan tuan dalam bidang seni muzik tradisional?**

TMA : Persepsi keluarga kami sebenarnya, pada mulanya mak saya, dia tidak berapa suka sangat melihat anaknya sebagai guru muzik sebab kalau kita tengok muzik ini, dia banyak peranan media, TV - macam cerita P. Ramlee, “ahli muzik?”. Jadi, bagi dia, dia malu anaknya sebagai guru muzik, bermain di pub _____. jadi, dia compare dengan agama sebab dia macam nampak benda yang tidak betul, haram, dan sebagainya. Yang sebenarnya tidak - bagi saya bukan macam itu - muzik yang kita nakkan. Jadi, itulah (begitulah) dorongan daripada ayah saya – dia memang doronglah. Saya cakap aje, dia akan cuba dapatkan benda itu untuk

saya berlatih, bermain - dan dia cuba buat untuk saya belajar, memandangkan kalau nak beli serunai pada masa itu lebih kurang RM200 (dua ratus) ringgit. jadi, untuk menjimatkan kos, dia cuba buat sendiri. kalau ada kelemahan-kelemahan untuk *tune in* [istilah muzik] dan sebagainya, kita akan cari siapa yang pandai untuk *tune* [istilah muzik] dia punya serunai tadi. Jadi jimatlah kos daripada RM200 (dua ratus) ringgit jadalah dalam RM50 (lima puluh) ringgit.

SNH : **Jadi, selain ayah tuan yang mendorong tuan untuk meneruskan cita-cita ini, siapa lagi insan yang penting, yang turut mendorong tuan untuk meneruskan cita-cita ini?**

TMA : Dia banyak dia punya evolusi selepas daripada ayah tadi – pensyarah juga banyak yang mendorong, menasihati saya supaya meneruskan. Begitu juga dengan guru-guru saya di kampung. Mereka pernah cakap kepada saya, “Cikgu Awie, belajarlah bersungguh-sungguh. Satu hari nanti benda ini akan jadi *go mahal* [harga mahal]”. Maksud *go mahal* [harga mahal] itu, maksudnya saya baru nampak. *Go mahal* [harga mahal] itu ialah kita akan jadi terkenal, akan dijemput situ, jemput sini. Guru saya asal yang pertama iaitu dipanggil Stape, Woper. Arwah Stape ini memang dia pakar dalam bidang pembuatan dan bermain serunai. Jadi, saya berguru dengan dia supaya kebenakan saya, kelemahan saya itu setidaknya telah hilang sedikit demi sedikit.

SNH : **Jadi, apakah kemahiran yang paling membantu tuan pada awal-awal penglibatan tuan dalam bidang ini?**

TMA : Kemahiran pertama saya dalam bidang ini ialah kemahiran bergaul. Kemahiran bergaul ataupun kemahiran berkomunikasi ini dengan penggiat-penggiat ini merupakan satu elemen yang penting. Apabila kita cakna, maka segala ilmu yang hendak disampaikan itu, dia tidak akan segan-silu pergi kepada kita - Itu pun kemahiran juga. Jadi, yang penting sekali, kemahiran berkomunikasi. Kemudian, kemahiran kedua ialah kemahiran bermain alat muzik – serunai. saya *start* [mula] dengan serunai – bermain alat muzik serunai dan seterusnya saya belajar buat, saya belajar jual, dan saya cuba latih kepada pelajar-pelajar saya supaya mereka ini mahir juga dalam pengendalian bermain alat muzik ini.

SNH : **Untuk soalan seterusnya, dengan siapakah tuan belajar muzik tradisional ini dari semasa ke semasa untuk menggilap bakat tuan?**

TMA : Banyak peringkat – peringkat daripada kosong , tidak punyai ilmu – yang tadilah saya belajar dengan tahun 1994 saya belajar dengan Stape tadi. Kemudian, saya belajar juga dengan Awang Kuda, Awang Misai – tiup serunai. Saya belajar juga dengan Encik Maktab di kampung Wakaf Che Yeh – meniup serunai . saya juga belajar gendang dengan Abe Mat, dengan Wak Isa Morak. Kemudian, seterusnya apabila kita belajar juga alat muzik ini dengan pensyarah-pensyarah muzik – tuan Haji Ghani, Encik Kamaruddin, Azam Dungun dengan Ali Kutti menyebabkan

saya sudah memahami macam mana nak menulis baca muzik, dia punya elemen. Jadi, saya meneruskan. Kemudian, saya cuba menulis *transcribe* [salin] lagu-lagu, baca sedikit tentang kajian-kajian orang. Jadi, saya *develop* [kembangkan] diri saya sendiri dan sekarang ini saya cuba --- sebenarnya, pada tahap yang kita zon selesa kita panggil – kita tengok benda itu, kita akan boleh buat. Kita tengok macam mana saiz dia, dan kita akan *try and error* [percubaan dan kesilapan]. Sebenarnya, yang penting sekali – guru utama kita adalah kita sendiri. Kita yang guru – diri kita yang sebenarnya guru, kita belajar daripada kesilapan diri kita.

SNH : **Siapakah idola tuan dalam bidang muzik ini?**

TMA : Dalam bidang muzik ini, idola saya – seperti saya suka macam tradisional seperti dipanggil Wak Isa kampung Morak ini dia merupakan seorang adiguru Kelantan. dia ini serba boleh buat alat muzik, main wayang kulit dan sebagainya. Maknanya, dia peringkat *versatile* [serba boleh]. Kemudian, satu lagi dipanggil – Encik Razak di Pasir Puteh, dia pakar dalam bidang pembuatan alat muzik macam gong, rebana dan sebagainya. Dia pun – pendidikan mereka tidak tinggi, dia *takdekk* [tiada] perkataan ‘NO’ [tidak]. jadi, dia akan cuba buat sedaya mungkin supaya benda itu akan berjaya.

SNH : **Pernahkah tuan melakukan persembahan seni muzik tradisional di peringkat tinggi?**

- TMA : Sebenarnya, di peringkat tinggi ini memang banyak. Yang pertama, saya buat persembahan di Venice sempena festival di sana, Itali di Ontario, Canada, di Beijing – International Music Society (ISME) di sana, buat persembahan di Bulgaria, buat persembahan di Indonesia, Beijing, di Bangkok. Kemudian, di – *Singapore* [Singapura]. Itu sahaja.
- SNH : **Boleh saya tahu jenis persembahan muzik apa yang tuan bawakan ke negara-negara tersebut?**
- TMA : Saya bawa persembahan ke luar negara ini salah satunya dia lebih appreciate kita punya warisan ataupun alat muzik tradisional. Biasa, saya bawa persembahan wayang kulit. Persembahan wayang kulit dan persembahan instrumen muzik serunai.
- SNH : **Bolehkah tuan ceritakan pengalaman tersebut iaitu pengalaman ketika membuat persembahan di sana?**
- TMA : Pengalaman yang paling indah, yang paling tidak boleh saya lupakan semasa membuat persembahan International Music Society di Venice, Itali. Di mana, peluang dan ruang ketika itu, mereka bagi dua slot untuk saya. Negara lain satu. Yang mana persembahan kami itu, pada pukul 8 malam, pukul 6.30 petang itu sudah penuh. Dia menunggu giliran kami membuat persembahan dalam *workshop* [bengkel]. Yang kedua, pengalaman saya juga, yang manis sekali – di mana saya

telah didatangi oleh pelajar-pelajar daripada Indianapolis, USA – *student* [pelajar] di sana, kolej sana untuk membuat --- saya cuba ketengahkan dipanggil Survival of Music Instrument Making, di mana kami buat program ini di Bukit Bakar, Machang. Alhamdulillah, dengan 40 [empat puluh] orang yang datang itu, dia teringin untuk datang kembali dan hasilnya memang lumayan bagi empat hari tiga malam sebanyak 20 000 [dua puluh ribu]. Itu adalah kenangan manis saya.

SNH : Boleh saya tahu seberapa ramai kumpulan persembahan seni muzik tradisional? Maksudnya, berapa ramai dalam ---

TMA : Ahli kumpulan.

SNH : Ya. (mengangguk perlahan)

TMA : Sebenarnya, kami menubuhkan Kelab Kesenian dan Kebudayaan Kampung Pulau Tebu dah lama. Di mana, seramai 15 [lima belas] orang, kami *train* [latih] dalam berbagai bentuk dimensi dan kemahiran iaitu kemahiran bermain alat, kemahiran buat persembahan ataupun kemahiran bermain wayang kulit, kemahiran silat, rebana ubi, kompong, nasyid, makyong, main puteri. Itu dari segi aspek permainan, dan kita melatih mereka untuk membuat alat-alat muzik tradisional seperti gong, rebana, gendang, rebab, serunai, dan sebagainya.

SNH : Apakah pengalaman paling mencabar sepanjang kerjaya tuan?

TMA : Pengalaman yang paling mencabar sepanjang dalam kerjaya saya , saya rasa tak lah mencabar sangat. Yang mencabar ialah macam mana nak mengurus sesuatu agensi ataupun masyarakat supaya mencintai seni. Di mana, setelah saya pulang ke Kelantan pada 2003 [dua ribu tiga], di mana saya menubuhkan seni budaya ini dalam konteks kelab untuk mencantumi penggiat-penggiat seni budaya di sekitar Kota Bharu, Tunjong supaya bersatu di bawah kelab dan saya rasa itu yang paling mencabar, untuk mengurus manusia yang berbagai fahaman, berbagai bangsa, berbagai budaya, berbagai tahap pendidikan, dan keranah-keranah mereka.

SNH : **Selain daripada pengalaman tersebut, adakah tuan mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh tuan sepanjang kerjaya?**

TMA : Pengalaman yang manis dalam kerjaya saya ialah saya telah dinobatkan sebagai tokoh guru muzik dunia pada tahun 2006 [dua ribu enam], dan dengan mendapat nilai wang ringgit sebanyak 20 000 [dua puluh ribu] dolar USD. 20 000 [dua puluh ribu] dolar *kalu* [kalau] *kito* [kita] sini *gak* [penyedap ayat] 2 - 4 - 6 [mengira], 70 000 [tujuh puluh ribu] ringgit, dengan semua peralatan-peralatan gitar dan sebagainya dibagi percuma kepada saya. Nilai yang semua lebih kurang 150 000 [seratus lima puluh ribu], itu satu kenangan manis buat saya, yang saya rasa kenangan manis mencipta sejarah buat Malaysia, dan saya merupakan orang yang pertama di Malaysia yang mendapat anugerah tersebut.

SNH : **Apakah yang meyakinkan tuan untuk terus berada dalam kerjaya ini?**

TMA : Apa yang meyakinkan saya ialah saya nampak kerjaya ini semakin hari semakin melebar, semakin ada masa depan, memandangkan pihak kerajaan telah membuka ataupun menyuntik dana untuk menaikkan taraf kita punya budaya bangsa kita, dan warisan. Begitu juga saya nampak benda ini, anak-anak bangsa berminat, kemudian, boleh diteruskan kerana di peringkat universiti pun ada ruang dan peluang untuk kita belajar, bekerja, dan berkarya di boleh kata di semua IPTA.

SNH : **Adakah pengalaman yang diperolehi tuan dapat membentuk kemahiran sehingga menjadi seorang yang hebat dalam bidang muzik tradisional?**

TMA : Sememangnya begitu, kemahiran itulah yang mendewasakan kita dalam meningkatkan lagi dalam seni budaya ini. Tanpa pengalaman, tanpa latihan, seni budaya kita tak akan berkembang.

SNH : **Pernahkah tuan terfikir untuk berhenti bergiat dalam seni muzik tradisional ini?**

TMA

Saya rasa setakat ini belum ada lagi sebab saya rasa saya perlu meneruskan perjuangan ini memandangkan sekiranya kita tidak meneruskan seni budaya kita ini, saya takut dan bimbang satu hari nanti warisan kita, budaya kita akan diganti dengan warisan orang lain. Jadi, ini merupakan satu perjuangan untuk kita cipta satu antibodi supaya anak bangsa kita, anak cucu kita nanti meminati budaya kita dan setidaknya boleh menahan daripada budaya orang lain meresapi ke dalam diri kita, anak kita, dan cucu kita nanti termasuk awak semua.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: PENSYARAH KANAN

SNH : **Beralih pula kita kepada kerjaya lain Tuan Aswawi, iaitu sebagai pensyarah Universiti Malaysia Kelantan cawangan Bachok. Untuk soalan yang pertama, bilakah tuan mula berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan?**

TMA : Saya mula berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan ni pada bulan 3 (tiga) 2015 (dua ribu lima belas) lagi sampai sekaranglah.

SNH : **Apa yang membuatkan tuan membuat keputusan untuk memilih UMK sebagai tempat untuk berkongsi ilmu?**

TMA : Sebenarnya, benda itu memang saya nanti-nantikan sebelum tadi. Sebenarnya, semasa saya sekolah, jadi saya ini sebagai penggiat budaya. Jadi, saya juga sebagai pembuat alat muzik, saya juga sebagai pengajar, dan sebagai penulis. Jadi, saya rasa kepakaran dan kemahiran yang ada pada saya tadi tidak bersesuaian saya nak *transfer* [pindah] *knowledge* [pengetahuan] itu, kepakaran tadi kepada student-student sekolah lah. Dimana sekolah ini segala peralatan, kemudahan-kemudahan dalam bentuk bengkel, pembuatan alat muzik, dia punya silibus, masa belajar, dan sebagainya amat terhad. Maknanya, kita berada di IPTA ini, dimana di Universiti Malaysia Kelantan ini telah menawarkan, membuka suatu kursus, dipanggil kursus subjek, Pembuatan Alat Muzik Satu dan Pembuatan Alat Muzik Dua, ada seni persembahan, ada juga teater. Dimana apa yang ada di Universiti Malaysia Kelantan itu sepadan ataupun serasi dengan saya, apa yang saya ada. Jadi, saya kata amat rugilah sekiranya saya tidak berada di sini, memandangkan

tenaga pengajar yang mahirlah dalam, yang mahir dan berada akademik, ada akademik, sijil dan sebagainya. Amat jarang sekali, ada pada penggiat-penggiat budaya tradisional. Jadi, saya rasa benda ni faktor saya beralih arah kepada Universiti Malaysia Kelantan dan sisi lain juga yang nak menggunakan khidmat saya. Jadi, disitu saya telah dibagi amanah untuk meneruskan legasi kita punya perjuangan, iaitu mempergiatkan ataupun mempercambahkan lagi ilmu kepada para pelajar di Universiti Malaysia Kelantan.

SNH : Apakah jawatan pertama yang tuan pegang ketika masuk ke Universiti Malaysia Kelantan, dan bilakah tuan dinaikkan pangkat sebagai pensyarah kanan?

TMA : Sebenarnya, saya ditawarkan sebagai pensyarah muzik di Universiti Malaysia Kelantan pada tahun 2015 [dua ribu lima belas], dan pada tahun 2016 [dua ribu enam belas] saya telah dibagi jawatan-jawatan lain untuk membina ataupun untuk membuat projek tambahan di Universiti Malaysia Kelantan, termasuk sebagai pengarah di Taman Budaya , dipanggil Uptown Heritage dibawah FTKW (Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan). Kemudian, selepas itu pada tahun 2023 [dua ribu dua puluh tiga], - - 2019 [dua ribu sembilan belas] saya ditawarkan lagi sebagai pengarah di Creative Techno Park, ia merupakan suatu kawasan untuk membina teknologi kreatif dalam berbagai aspek termasuk budaya, banner heritage, taman budaya dan sebagainya untuk projek penjanaan pendapatan kepada Universiti Malaysia Kelantan. Jadi, pegang jawatan lagi pada tahun 2023 [dua ribu dua puluh tiga], saya telah dinaikkan pangkat kepada pensyarah kanan di Universiti

Malaysia Kelantan dan sampai hari ini saya masih sebagai pensyarah kanan dan pengarah di Creative Techno Park di Universiti Malaysia Kelantan, kampus Bachok.

SNH : **Apakah tanggungjawab utama tuan dalam peranan sebagai pensyarah kanan?**

TMA : Bila kita punya pensyarah kanan, tanggungjawab utama adalah tak lain tak bukan untuk membina ataupun mengajar di kita punya ___, mendidik pelajar-pelajar supaya tercapai *CLO/PLO* [Course Learning Outcomes and Program Learning Outcomes]ataupun objektif fakulti ataupun objektif-objektif yang telah disarankan oleh pihak pentadbir. Jadi, sebagai pensyarah kanan juga, kita sebagai pensyarah ni, kita kena buat penyelidikan, research, penulisan buku, jurnal, menganjurkan berbagai-bagai aktiviti kemasyarakatan dalam kampus dengan jabatan-jabatan pekerjaan lain, buat *MOU* [Memorandum of Understanding], hubungan jalin dan sebagainya. Jadi, kita di sini bukan sekadar mengajar sahaja, kita juga sebagai pemudahcara kepada masyarakat luar sana dan untuk mempromosikan UMK.

SNH : **Adakah projek penyelidikan tertentu yang sedang tuan uruskan sebagai pensyarah kanan di UMK Bachok?**

- TMA : Sekarang saya sedang menguruskan satu projek iaitu penyelidikan tentang reka bentuk gendang kecapi. Di mana, saya cuba tambah lagi dia punya jangka hayat, tempoh penyelidikan dan sebelum ni kita dah buat dengan *CJP* [nama syarikat] yang *kecil* (kecil), dan kita sudah mendapat berbagai anugerah, termasuk menang dalam anugerah MKE Gold, dengan pertandingan-pertandingan yang peringkat kebangsaan, antarabangsa dan sebagainya. Di samping itu juga saya sedang menyiapkan projek dipanggil Pembangunan Buluh, iaitu seni buluh terhadap masyarakat *B40* [golongan pendapatan rendah], itu dibawah tajaan *TERAJU* [Unit Peneraju Agenda Bumiputera]. *TERAJU* [Unit Peneraju Agenda Bumiputera] membagi dana sebanyak *RM2.3juta* [dua perpuluhan tiga juta ringgit] untuk kami uruskan kajian penyelidikan membuat produk buluh dan arang berasaskan buluh.
- SNH : **Soalan seterusnya, adakah projek-projek kerjasama dengan industri atau masyarakat yang sedang tuan jalankan atau telah berjaya dilaksanakan?**
- TMA : Projek yang sedang dijalankan iaitu projek tadi, projek *TERAJU* [Unit Peneraju Agenda Bumiputera] iaitu memakan masa lebih kurang 5 (lima) tahun untuk menyiapkan pembinaan, *sustainkan* [mengekalkan] penggunaan buluh terhadap masyarakat dari aspek industri. Macam mana kita nak create, macam mana buluh boleh membantu masyarakat *B40* [golongan pendapatan rendah] dalam proses penjanaan pendapatan sampingan mereka. Projek yang sudah saya berjaya buat adalah, saya telah menghasilkan satu alat muzik warisan iaitu dipanggil alat muzik gendang kecapi berinovasi, iaitu gendang kecapi menggunakan elektrik, dan ia

merupakan satu pencapaian ataupun hasil inovasi yang pertama di Malaysia setakat ini. Di mana gendang kecapi ini, yang berasaskan buluh tapi mempunyai berbagai jenis bunyi. Mungkin *you all* [awak semua] boleh tengok di saya punya laman web.

SNH : **Boleh saya tahu pada tahun bilakah TERAJU Buluh itu dimulakan?**

TMA : Projek TERAJU Buluh ini kita *start* [mula] pada tahun 2000 [dua ribu] dan 2005 [dua ribu lima] akan tamat tempoh dalam masa lima tahun, dan kita membuat tapak projek kita di daerah Jeli. Daerah Jeli, kawasan ___ Dabong, yang orang kata banyak sumber bahan-bahan buluh di sana dan kita akan pergi buat kaji selidik, dan buat kajian di sana.

SNH : **Apakah sumbangan tuan dalam membangunkan atau menyemak kurikulum untuk menyesuaikannya dengan keperluan industri atau perkembangan terkini?**

TMA : Dalam menyemak kurikulum, di fakulti, kita senantiasa membuat satu penanda aras macam mana, contohnya, dalam aspek segi persembahan, di mana para pelajar kami kita akan tengok kebolehpasaran para pelajar dari aspek industri. Contohnya, dari segi persembahan, pembuatan alat, dari segi promosi dan sebagainya macam mana kita telah menerapkan nilai-nilai tadi dalam seni persembahan kita menuju subjek Pengurusan Muzik, Pembuatan Alat, macam mana nak buat audio visual dari segi aspek persembahan tarian

tradisional. Jadi, benda-benda *gini* [begini] yang kita nak dan ketengahkan supaya masyarakat dan pelajar akan sedar akan kepentingan belajarnya di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang tersebut.

SNH : Seterusnya, adakah inisiatif-inisiatif tertentu yang telah tuan rancang atau terlibat dalam pemerkasaan staf akademik, dan pelajar?

TMA : Sekarang ni dalam pemerkasaan staf akademik dan pelajar, kita telah buat berbagai-bagai aktiviti dan buat seminar terhadap *NGO* [Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan], penggiat-penggiat budaya, masyarakat setempat berkolaborasi dengan akademik, dengan pensyarah-pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan, termasuk juga dengan malam budaya, suai budaya, malam interbudaya, malam anugerah gemilang, buat persembahan macam di *Uptown* [nama tempat], buat kursus-kursus pemantapan dan kursus-kursus pedalangan wayang kulit, di mana *NGO-NGO* [Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan] datang ke Universiti Malaysia Kelantan untuk membagi ilmu, berkongsi ilmu dalam kalangan pelajar-pelajar. Jadi, dengan kata lainnya, Universiti Malaysia Kelantan dengan masyarakat berpisah tiada.

SNH : Boleh tuan ceritakan apakah cabaran yang telah tuan lalui sepanjang menjadi seorang pensyarah?

TMA : Cabaran jadi seorang pensyarah Ini memang banyak, antaranya ialah kita universiti yang baru, jadi, cabaran utama adalah kita kekurangan dari segi aspek

prasarana, bilik darjah, bilik-bilik kuliah, peralatan-peralatan dan sebagainya. Jadi, itu pun merupakan salah satu cabaran. Di samping itu juga, kita juga kekurangan para pensyarah untuk mengajar yang luar bidang, ataupun kepakaran-kepakaran dalam bidang tradisional dan seni. Sebenarnya memang susah, yang betul-betul mahir untuk datang ke sini. Jadi, kita terpaksa berkolaborasi dengan masyarakat, di mana kita menganjurkan dipanggil *Nature School* [nama sekolah]. *Natures School* [nama sekolah] ini bermaksud pelajar-pelajar akan belajar dengan orang kampung, dibantu oleh pensyarah, di mana macam mana orang kampung belajar wayang kulit, begitulah para pelajar akan pergi belajar di sana, dengan suasannya, dengan bunyi cengkerik, dengan singar-bingar dan sebagainya. Itulah kaedah pembelajaran secara *nature* [alam semula jadi], dan kita akan *bawak* (bawa) ke kelas yang mendalami kampus, dan kita akan nilai, kita akan buat secara *transcribe* [salin] balik, kita akan tengok dari sudut mana yang boleh kita bantu, dari sudut mana yang boleh kitakekalkan ke dalam proses pembelajaran tadi.

SNH : **Sebagai seorang warga pendidik, apakah memori yang bagi tuan sangat berharga?**

TMA : Memori yang sangat berharga bagi seorang pendidik , tidak lain tidak bukan melihat pelajar-pelajarnya berjaya. Yang berjaya itu mengenang jasa pensyarah dan cikgu dia, iaitu selalu bertanya khabar guru, di mana pelajar-pelajar tadi sepatutnya membantu pensyarah ataupun membuat satu reunion untuk

menjemput pensyarah-pensyarah dia, yang *dah* [sudah] mengajar dia sebagai satu penghargaan walaupun tidak wang ringgit, whatsapp pun kita rasa satu benda yang manis buat kita. Jadi, di Universiti Malaysia Kelantan ini, kita cuba terapkan benda-benda macam itu.

SNH : **Bagaimana pula, tuan melihat perbezaan dalam gaya pembelajaran atau keperluan pelajar generasi kini berbanding dengan generasi sebelumnya?**

TMA : Perbezaan generasi sekarang dan dulu, di mana kita nampak dari segi cara pembelajaran dulu dan nilai-nilai dari segi kemanusiaan, iaitu aspek-aspek *communication skill* [kemahiran komunikasi], adab, tatasusila, sopan santun dari segi nilai-nilai yang *tak* [tidak] dapat kita baca, yang boleh kita *practical based* [berasaskan praktikal], berbeza dengan sekarang. Dulu dengan nilai macam itu, budi bahasa, tolong-menolong, kita boleh praktikal dan sekarang ini, nilai-nilai macam tadi semakin hari semakin tenggelam, lups sebab semuanya pembelajaran yang disarankan, yang disuruh untuk supaya membuat kelas online. Apabila online class, maka rasa hormat pada guru, pensyarah, berhadapan dengan pensyarah, keakraban, kemesraan semakin hari semakin kurang kerana kita anggap walaupun kita berhadapan dengan guru secara online tapi rasa hormat itu kurang bagi saya, sebab kita berhadapan dengan komputer, kita tak akan cakap terima kasih komputer, tapi kalau berhadapan dengan guru kita, benda-benda yang tersirat, yang tersurat, kita akan nampak. Jadi, itulah saya nampak perbezaan kaedah pembelajaran dulu dan sekarang ni, dikatakan lebih terkesan , lebih

kemenjadian seorang pelajar itu, saya rasa lebih berkesan cara kaedah pembelajaran dalam kelas. Dia ada pro dan kontra dia salah dalam bidang ini.

SNH : **Bagaimana tuan memanfaatkan teknologi dalam pengajaran untuk menarik minat pelajar generasi kini?**

TMA : Secara proses pembelajaran, *transfer* [pindahkan] ilmu, kita akan gunakan pelbagai cara. Antara untuk menarik minat para pelajar, mungkin anda sudah sedia maklum sebab pelajar semakin hari semakin terkesan dengan kesibukan masing-masing, dengan kerja kursus yang banyak, jadi, macam mana kita nak tarikan pelajar-pelajar tadi, kita akan cuba buat berkolaborasi dengan matapelajaran lain. Contoh, seni persembahan kita boleh *compare* [banding] dengan teater, pembelajaran pembuatan alat muzik, mungkin pembuatan alat muzik, dia boleh buat persembahan dalam twin punya subjek. Jadi, kita akan nilai dari aspek itu. Jadi, tahap kebebanan pelajar menjadi ringan. Satu lagi, kita boleh gunakan berbagai elemen-elemen teknologi, menggunakan Youtube, menggunakan *online class* [kelas online] sekali-sekala menggunakan teknologi-teknologi, menggunakan telefon. Jadi, benda-benda *gini* [begini] akan meringankan beban para pelajar dan dia akan jadi rasa seronok, macam belajar sambil bermain.

SNH : **Seterusnya, pada pendapat tuan, pelajar tuan iaitu seni warisan, seni persembahan boleh pergi jauh dalam industri Malaysia?**

TMA

Saya yakin dan percaya pelajar-pelajar saya akan tersohor satu hari nanti memandangkan saya telah nampak di mana dari aspek seni pembuatan alat muzik. Jadi, saya tak nampak lagi industri-industri lain yang menawarkan kursus pembuatan alat muzik. Di mana, dalam seni persembahan, pelajar itu akan buat, pelajar itu akan bermain dengan alat muzik dan pelajar tadi akan jual dia. Jadi, banyak elemen-elemen kemahiran daripada *cyclemotor* [motor di abdomen manusia], daripada *entrepreneur* [usahawan]. Kita sudah tetap daripada awal macam mana *nak* [hendak] jual benda, produk-produk itu tadi, dan satu lagi yang tidak boleh dijual beli ialah macam mana kita nak terapkan nilai-nilai, dipanggil nilai-nilai dia lebih *appreciate* [menghargai] kepada sesuatu benda yang dia buat. Contohnya, dia buat gendang, rebana, caklempong, gong dan sebagainya, dia akan rasa benda ini susah, *dak* [kan]? Makna kata, dia sayang, dia tengok benda lain pun dia akan bantu selamatkan benda itu sebab dia rasa betapa susahnya nak buat benda ni, kita tidak boleh nak letak ataupun nak baling sewenang-wenang, kan? Jadi, dengan kata lainnya, saya percaya sekiranya *diorang* [mereka] keluar nanti, sekiranya tidak ada alat, tidak ada kedai, tak ada orang nak beli, nak jual benda-benda ini, dia boleh berdikari, dipanggil tahap *survival* [kelangsungan hidup] pelajar *diorang* [mereka] ini amat tinggi sebab dia akan buat sendiri. Contohnya, *you* [awak] nak makan nasi ayam, *you* [awak] tak payah beli, *you* [awak] buat sendiri. Jadi, inilah yang dipanggil satu langkah yang bijak untuk membagi satu ruang dan peluang pengalaman yang amat berharga kepada pelajar. Sebenarnya, benda ini dah ada pada masyarakat kita. Orang-orang dulu nak makan *cekmet* [kuih tradisional] ke, nak makan nasi kerabu, mak-mak kita buat

sendiri, *takde* [tiada] kedai pun *takpe* tidak mengapa], nak telur ke, dia bela itik, *dak* [kan]? Jadi, *nak* [hendak] buat rumah dia buat *sediri* [sendiri], gotong-royong angkat rumah dan sebagainya. Jadi, saya nampak perubahan zaman sekarang ini, semuanya beli.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: PENCAPAIAN

SNH : Untuk bahagian seterusnya, kami juga ingin mengetahui lebih lanjut mengenai pencapaian tuan dalam seni muzik tradisional. Jadi, boleh saya tahu berapa banyakakah anugerah yang tuan pernah peroleh sepanjang menceburি bidang ini?

TMA : Dalam pencapaian dalam bidang seni ini, saya rasa banyak pencapaian yang boleh dibanggakan oleh diri saya sendiri. Antaranya pencapaian yang saya rasa tak ada nilainya, saya boleh membuat alat muzik sendiri, saya membuka kilang, saya ada kedai alat muzik, jual, dan saya ada *client* [pelanggan] dan saya ada pekerja. Itulah anugerah ataupun pencapaian yang saya rasa tidak boleh dinilai memandangkan benda itu boleh bagi nilai kepada saya. Jadi, inilah saya rasa satu pencapaian yang luar biasa bagi saya sebab saya boleh membina empayar ataupun keusahawanan dalam bidang ini. Di samping itu juga, satu lagi, itu anugerah daripada diri saya dan anugerah yang lain, saya rasa dah hampir dua puluh lebih anugerah yang saya dapat. Antaranya, Anugerah Tokoh Guru Muzik Dunia, Anugerah Guru Inovasi Terbaik Malaysia, Anugerah Adiguru Kebangsaan, Anugerah Budayawan Negara, Anugerah Jurulatih Seni Budaya Malaysia, Anugerah Guru Inovasi Kelantan, Anugerah Pingat Jasa Bakti Kerajaan Al-Sultan Kelantan (BSK) dengan pingat kebesaran, dan saya rasa banyak lagi saya terlupa, mungkin *you all* [awak semua] boleh tengok saya punya pencapaian-pencapaian dalam jurnal, dalam biodata saya.

SNH : Tuan masih ingatkah anugerah pertama yang tuan peroleh, apakah ia?

TMA : Pada tahun 2006 [dua ribu enam], saya mendapat anugerah, Anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Kelantan yang dianjurkan oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Kelantan. Itu antara yang pertama.

SNH : Setelah lama berkhidmat, pastinya sudah banyak anugerah dan pencapaian yang tuan perolehi, anugerah apa yang bagi tuan sangat bermakna?

TMA : Antara yang bermakna ada satu penganugerahan GIBSON Award pada tahun 2006 [dua ribu enam], saya telah menerima anugerah tokoh guru muzik peringkat dunia dan mendapat lebih kurang 100 000 [seratus ribu] ringgit Malaysia.

SNH : Hasil penyelidikan kami, serta apa yang telah tuan bagitahu sebentar tadi, tuan telah dinobatkan sebagai tokoh anugerah GIBSON, boleh tuan terangkan apa itu anugerah GIBSON?

TMA : Anugerah GIBSON ini merupakan persatuan pendidik peringkat antarabangsa bawah persatuan dipanggil ISME, International Society Music Education. Jadi, dia ingin mencari seorang tokoh guru muzik mewakili Malaysia ke antarabangsa, jadi saya telah dicalonkan dan kenapa saya dapat, itu yang penting apa jawapan dia. Saya rasa kenapa saya dapat, saya anggap saya ini sebagai penjual *perfume* [minyak wangi], di mana apabila saya pakai *perfume* [minyak wangi] saya ini,

semua orang dapat menghirup baunya, wangianya sampai ke serata alam. Jadi, itulah saya buat andaian, saya seorang guru muzik dan mempunyai ilmu, apakah ilmu-ilmu saya ini boleh digunapakai oleh semua masyarakat. Jadi, fungsi saya berada di dalam dunia seni persembahan, seni budaya ini, makna saya boleh develop, peringkat sekolah, saya menujuhan pasukan wayang kulit, gendang silat, pasukan angklung, kompong dan sebagainya. Begitu juga saya cuba menujuhan kelab kesenian kebudayaan peringkat kampung dan dia boleh berdikari, adakan dana, tubuhkan dewan sendiri, ada bengkel dan sebagainya. Saya telah menyumbangkan kepada peringkat universiti, ilmu-ilmu saya tadi dengan adanya peluang untuk mengajar peringkat universiti, buat bengkel dan begitu juga dengan *NGO* [Persatuan Badan Bukan Kerajaan], badan-badan kerajaan. Dengan kata lainnya, kepakaran bidang muzik yang saya ada tadi boleh digunapakai oleh semua.

SNH : Boleh saya tahu bila dan siapakah yang menyampaikan anugerah GIBSON ini dan dimanakah acara tersebut berlangsung?

TMA : Anugerah GIBSON ini disampaikan oleh dia punya presiden, Gary Mcpherson, presiden ISME pada tahun 2006 dan Datuk Tan Sri Hishamuddin sebagai menteri pendidikan pada tahun tersebut telah bagi plak pencapaian tersebut di KLCC Kuala Lumpur.

SNH : Bolehkah kami tahu apakah kriteria-kriteria yang tuan ada sehingga dinobatkan sebagai tokoh GIBSON?

TMA : Petua untuk berjaya, satu lagi kita kena ada sikap ringan tulang. Maknanya, buat kerja secara ikhlas tanpa upah pun kita buat, dan sentiasa cari jalan untuk develop diri kita. Maknanya, kerana kita kurang dari segi kemahiran, kena belajar sendiri. Jangan duduk mengharapkan orang lain bagi, kita perlu pikir apa yang kita perlu nak bagi, bukan kita pikir apa yang *you* [awak] nak bagi kat saya. Jadi, kita kena cari ilmu macam mana kita nak *transfer* [beri] ilmu itu kepada yang memerlukan, orang tua, budak, dan sebagainya. Jadi, itulah yang saya rasa kita perlu ada dan kita kena buat research sendiri, bertanya khabar ataupun belajar secara yang tak formal.

SNH : Selain daripada plak anugerah yang tuan terima, apakah bentuk anugerah lain yang tuan terima bersempena dengan anugerah tokoh GIBSON?

TMA: Selain daripada plak, terdapat juga hadiah daripada peralatan-peralatan termasuk gitar GIBSON yang *handmade* ([buatan tangan] bernilai RM30 000 [tiga puluh ribu], *pastu* [selepas itu] kemudian gitar-gitar lain berharga lebih kurang RM20 000 [dua puluh ribu] *jugak* [juga], kemudian, dapat juga dana PETRONAS, JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] untuk membina bengkel untuk keusahawanan pembuatan alat muzik ini kepada masyarakat, orang ramai. Saya juga dapat dana untuk membuat dewan terbuka untuk kami bergiat dalam memperjuangkan seni budaya ini. Dengan kata lainnya, apabila kita bersungguh, apabila kita buat kerja tanpa mengira wang ringgit yang kita ada, Insyaallah suatu

hari nanti, ada orang yang akan membantu kita dalam mempromosikan ataupun memperluaskan lagi kita punya empayar.

SNH : Baiklah, itu sahaja soalan berkaitan pencapaian. Saya kembalikan sesi temubual ini kepada Nur Shazleen untuk bertanya lebih lanjut kepada Tuan Aswawi.

TAMAT BAHAGIAN 7

BAHAGIAN 8: SUMBANGAN

NSI : Terima kasih rakan setugas maka beralih pula kita berkaitan sumbangan tuan dalam bidang seni muzik tradisional. Jadi apakah sumbangan yang telah tuan lakukan sepanjang berkarya sebagai anak seni?

TMA : Okey sumbangan yang saya lakukan sepanjang berkarya antaranya saya telah menubuhkan satu bengkel orang ramai iaitu bengkel pembuatan alat muzik dimana bengkel tersebut boleh digunakan untuk mendidik ataupun melatih belia -belia orang ramai untuk belajar dalam penghasilan alat muzik pada pendapat saya sekiranya industri pembuatan alat muzik tradisional tidak diendahkan dan saya yakin dan percaya seni muzik persembahan kita akan terkubur melainkan tiada lagi orang nak membuat alat apabila tiada alat kita tidak boleh nak main apabila tidak boleh nak main contohnya Rebana Ubi satu hari nanti Rebana Ubi akan rosak tapi tiada orang nak perbaik pulih maka saya yakin dan percaya - - - Rebana Ubi tadi tiada *job* [pekerjaan] ataupun takkan boleh buat persembahan manapun. Jadi itu salah satunya saya rancang untuk mendirikan *benda ini* [bengkel] ini antara lainnya saya telah membuat satu modul pembelajaran untuk anak pendidik macam mana cara mudah untuk belajar dalam perkembangan muzik tradisional ini.

NSI : Selepas itu, boleh tuan ceritakan jenis sumbangan yang telah tuan berikan?

TMA : Okey. Sumbangan yang telah kami berikan ialah saya telah menulis buku dipanggil modul Pembelajaran Wayang Kulit secara ekspres dimana dengan cara seperti tadi, makna modul terbabit inovasi dan membuat maka, pelajar-pelajar

yang umur sepuluh tahun, orang tua pun boleh main boleh belajar dengan kaedah yang saya tadi. Dan kesannya, inovasi cara pembelajaran muzik tradisional tadi telah dinobatkan sebagai Inovasi Juara Antara Juara pertandingan Guru Inovasi Peringkat Kebangsaan.

NSI : Apa yang memotivasiikan tuan untuk menyumbangkan kelebihan tuan dalam bidang seni muzik kepada masyarakat?

TMA : Okey. Apa yang memotivasiikan saya dalam penyampaian seni ni ialah dimana saya selalu melihat ataupun menilai perkembangan-perkembangan terhadap rakan-rakan saya yang sama-sama membuat persembahan ataupun memperjuangkan benda ini. Jadi sekiranya ada satu kepincangan ataupun satu kekurangan yang ada pada mereka. Contohnya, dalam aspek pembuatan, aspek pengurusan, kumpulan sekiranya tidak ada kelancaran maka saya perlu ambil alih ataupun kena ganti untuk menolong mereka yang lemah.

